

MEMORANDUM PENGURUSAN AUDIT (MPA)

TAJUK: TAKLIMAT KEPENTINGAN PELAKSANAAN AUDIT PEMATUHAN DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) – SIRI 2

1. Pengenalan

Unit Audit Dalam (UAD) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) komited dalam memperkukuh sistem audit dalam sebagai mekanisme pemantauan dan penambahbaikan berterusan. Selaras dengan matlamat ini, satu taklimat bertajuk "Kepentingan Pelaksanaan Audit Pematuhan di MPC – Siri 2" akan dianjurkan sebagai platform perkongsian ilmu bersama pakar dari Jabatan Audit Negara.

2. Objektif

- a) Memberi pendedahan kepada warga MPC mengenai pelaksanaan audit pematuhan secara berkesan;
- b) Memahami amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara; dan
- c) Memupuk budaya tadbir urus yang baik serta integriti dalam pengurusan organisasi.

3. Latar Belakang & Justifikasi

Pelaksanaan audit pematuhan merupakan elemen penting dalam memastikan organisasi sentiasa mematuhi dasar, peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Berdasarkan kejayaan sesi pertama sebelum ini, siri kedua ini dianjurkan bagi menyambung perkongsian dan memperluas capaian ilmu dalam kalangan warga MPC. Perkongsian pengalaman daripada pihak Jabatan Audit Negara akan memberikan impak besar terhadap keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam MPC serta budaya kerja berintegriti.

4. Jangkaan Output

- a) Peningkatan kefahaman dalam pelaksanaan audit pematuhan.
- b) Pengukuhan budaya integriti dan tadbir urus dalam organisasi.
- c) Perkongsian amalan terbaik daripada institusi audit negara.

5. Tujuan

Untuk menambah nilai dan memperkasa pelaksanaan fungsi audit dalaman di MPC melalui pendedahan kepada pendekatan audit pematuhan yang sistematik dan berkesan.

6. Kaedah Pelaksanaan

Sesi taklimat akan dijalankan secara fizikal, seperti berikut:

Tarikh : 23 Julai 2025 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat : Dewan Produktiviti, MPC Kuala Lumpur
Penceramah : Pegawai Audit,
Akademi Audit Negara
Jabatan Audit Negara, Persiaran Timur 3,
71760 Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

7. Maklumat Peserta

Seramai 40 orang warga MPC terdiri daripada Wakil Pengurusan, Kumpulan P&P dan sokongan.

8. Anggaran Perbelanjaan

Bil	Butiran	Kadar	Kuantiti	Peruntukan	Jumlah (RM)
1.	Makan Tengah Hari Peserta	RM15/pax	40 orang	Operasi (Mengurus) CSL/IA - P29401	600.00
2.	Bayaran Penceramah	RM150/jam	2 jam	Operasi (Mengurus) CSL/IA - P29404	300.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					900.00

9. Syor


Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan permohonan bagi melaksanakan Sesi Taklimat Kepentingan Pelaksanaan Audit Pematuhan Siri 2 bertempat di Dewan Produktiviti, MPC Kuala Lumpur dengan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM900.00 sahaja.

Disediakan oleh:



Mohamad Nor Bolhi
Pengurus
Unit Audit Dalam
Tarikh: 3/7/2025

Disemak oleh:



Asmahan Othman
Pengurus Kanan
Unit Audit Dalam
Tarikh: 3/7/2025

Disokong oleh:



Sugumar Saminathan
Pengarah / KUAD
Unit Audit Dalam
Tarikh: 4/7/2025